BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
April 2018

Inflasi terus rendah

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran staf

- Inflasi keseluruhan ialah 1.4% pada bulan April.
  - Kategori *pengangkutan* mencatat inflasi yang lebih tinggi iaitu sebanyak 0.4% (Mac: -1.5%). Meskipun harga bahan api dalam negeri pada amnya stabil berbanding dengan harga pada bulan Mac, kenaikan tahunan adalah lebih besar berbanding dengan bulan sebelumnya.
  - Kesan daripada inflasi pengangkutan yang lebih tinggi sebahagiannya diimbangi oleh inflasi makanan yang terus menurun kepada 2.6% berikutan harga *sayur-sayuran* dan *ikan dan makanan laut* yang lebih rendah (Mac: 2.8%).

Pertumbuhan IPI keseluruhan mampan pada bulan Mac

Sumbangan kepada IPI Keseluruhan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Pertumbuhan indeks pengeluaran industri (industrial production index, IPI) keseluruhan mampan pada 3.1% pada bulan Mac (Februari: 3.0%), dalam keadaan output perlombongan dan elektrik yang meningkat meskipun pengeluaran output perkilangan menjadi sederhana.
- Pertumbuhan sektor perkilangan yang lebih perlahan (4.1%; Februari: 4.7%) disebabkan terutamanya oleh output produk berkaitan sumber yang sederhana, contohnya pengeluaran minyak bertapis dan kimia.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat



- Pada bulan April, pertumbuhan pembiayaan bersih[1] meningkat kepada 7.2% (Mac: 6.8%), didorong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam terbitan bon korporat terkumpul bersih (April: 14.3%; Mac: 14.1%) dan pinjaman sistem perbankan terkumpul (April: 4.8%; Mac: 4.4%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan meningkat kepada 3.1% pada bulan April (Mac: 1.9%), dengan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi dalam kebanyakan sektor.
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah stabil pada 5.7% (Mac: 5.6%).

[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat terkumpul.
Sumber: Bank Negara Malaysia

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
April 2018

Pasaran kewangan terus teratur meskipun terdapat aliran keluar bukan pemastautin

Aliran Portfolio Bukan Pemastautin Mengikut Instrumen



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada bulan April, pasaran kewangan domestik terus teratur meskipun terdapat aliran keluar portfolio bukan pemastautin. Aliran keluar ini berpunca daripada sentimen pelabur yang berhati-hati berikutan kenaikan kadar hasil US Treasury dan ketidaktentuan keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14.
- Kesannya, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.6% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) dan kadar hasil MGS 5 tahun meningkat sebanyak 24.5 mata asas.
- Walau bagaimanapun, FBM KLCI meningkat 0.4% kepada 1870.4 mata, disokong oleh harga minyak mentah yang lebih tinggi dan ketegangan geopolitik dunia yang semakin reda.
- Jumlah swap pertukaran asing meningkat sebanyak USD3.8 bilion kepada USD124.7 bilion didorong terutamanya oleh aktiviti perlindungan nilai pelaburan portfolio bukan pemastautin yang lebih tinggi menjelang Pilihan Raya Umum pada awal bulan Mei. Mata swap USD/MYR 1-bulan purata tidak berubah pada 40 mata (Mac: 40 mata) kerana pasaran kewangan menjangkakan kadar dasar kekal mantap pada bulan itu.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

Capital Adequacy Ratios



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi apa-apa kejutan makroekonomi dan kewangan, dengan lebihan penampan modal sebanyak RM138.2 bilion pada bulan April 2018.
- Nisbah kecukupan modal menurun sedikit antara bulan Mac hingga April 2018. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran dividen oleh bank-bank dan instrumen modal yang telah matang.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 05/18/15

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Khamis, 31 Mei 2018

SOROTAN BULANAN – APRIL 2018

Inflasi terus rendah

- Inflasi keseluruhan ialah 1.4% pada bulan April.
  - Kategori *pengangkutan* mencatat inflasi yang lebih tinggi iaitu sebanyak 0.4% (Mac: -1.5%). Meskipun harga bahan api dalam negeri pada amnya stabil berbanding dengan harga pada bulan Mac, kenaikan tahunan adalah lebih besar berbanding dengan bulan sebelumnya.
  - Kesan daripada inflasi pengangkutan yang lebih tinggi sebahagiannya diimbangi oleh inflasi makanan yang terus menurun kepada 2.6% berikutan harga *sayur-sayuran* dan *ikan dan makanan laut* yang lebih rendah (Mac: 2.8%).

Pertumbuhan IPI keseluruhan mampan pada bulan Mac

- Pertumbuhan indeks pengeluaran industri (industrial production index, IPI) keseluruhan mampan pada 3.1% pada bulan Mac (Februari: 3.0%), dalam keadaan output perlombongan dan elektrik yang meningkat meskipun pengeluaran output perkilangan menjadi sederhana.
- Pertumbuhan sektor perkilangan yang lebih perlahan (4.1%; Februari: 4.7%) disebabkan terutamanya oleh output produk berkaitan sumber yang sederhana, contohnya pengeluaran minyak bertapis dan kimia.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pada bulan April, pertumbuhan pembiayaan bersih[1] meningkat kepada 7.2% (Mac: 6.8%), didorong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam terbitan bon korporat terkumpul bersih (April: 14.3%; Mac: 14.1%) dan pinjaman sistem perbankan terkumpul (April: 4.8%; Mac: 4.4%).

[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat terkumpul

- Pertumbuhan pinjaman perniagaan meningkat kepada 3.1% pada bulan April (Mac: 1.9%), dengan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi dalam kebanyakan sektor.
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah stabil pada 5.7% (Mac: 5.6%).

Pasaran kewangan terus teratur meskipun terdapat aliran keluar bukan pemastautin

- Pada bulan April, pasaran kewangan domestik terus teratur meskipun terdapat aliran keluar portfolio bukan pemastautin. Aliran keluar ini berpunca daripada sentimen pelabur yang berhati-hati berikutan kenaikan kadar hasil US Treasury dan ketidaktentuan keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14.
- Kesannya, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.6% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) dan kadar hasil MGS 5 tahun meningkat sebanyak 24.5 mata asas.
- Walau bagaimanapun, FBM KLCI meningkat 0.4% kepada 1870.4 mata, disokong oleh harga minyak mentah yang lebih tinggi dan ketegangan geopolitik dunia yang semakin reda.
- Jumlah swap pertukaran asing meningkat sebanyak USD3.8 bilion kepada USD124.7 bilion didorong terutamanya oleh aktiviti perlindungan nilai pelaburan portfolio bukan pemastautin yang lebih tinggi menjelang Pilihan Raya Umum pada awal bulan Mei. Mata swap USD/MYR 1-bulan purata tidak berubah pada 40 mata (Mac: 40 mata) kerana pasaran kewangan menjangkakan kadar dasar kekal mantap pada bulan itu.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi apa-apa kejutan makroekonomi dan kewangan, dengan lebihan penampan modal sebanyak RM138.2 bilion pada bulan April 2018.
- Nisbah kecukupan modal menurun sedikit antara bulan Mac hingga April 2018. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran dividen oleh bank-bank dan instrumen modal yang telah matang.

Bank Negara Malaysia
31 Mei 2018

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my